

Headline	MARTABAT INDUSTRI HERBA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1890 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 74,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 222,507



# AGRO

EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN



TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4429



FAKS : 03-20567083/7084

# MARTABAT INDUSTRI HERBA



**Mohamad Hussin**  
mohamad.hussin@  
hmetro.com.my

**Industri** herba dikenal pasti sebagai salah satu pemacu kegiatan ekonomi yang berpotensi memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi

Malaysia bagi mencapai status negara maju.

Dalam perubatan tradisional, herba terbukti mengandungi pelbagai khasiat. Khazanah semula jadi itu dijadikan bahan untuk kesejahteraan kesihatan.

Pengambilan herba tradisional sebagai bahan rawatan sudah lama dipraktikkan. Ia dikatakan mampu mengurangkan masalah kesihatan seperti angin, pening, sengal pinggang dan sakit sendi.

Dalam usaha memartabatkan

industri herba, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terabit secara langsung dalam pembangunan dan penyelidikan (R&D) berkaitan herba bermula pada 1994.

Beberapa pengusaha yang menghasilkan produk

berasaskan herba mengakui kerjasama sejak peringkat awal dengan pihak FRIM memberi impak yang besar dari aspek peluang perniagaan, perkongsian penyelidikan saintifik dalam mengenal pasti potensi herba.

> 2&3

Headline	MARTABAT INDUSTRI HERBA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1890 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 74,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 222,507

# PERKONGSIAN PINTAR FRIM, PENGUSAHA

## FOKUS DARI MUKA 1

Pengarah Urusan Ethno Resources Sdn Bhd Azizi Jaafar berkata, FRIM antara institusi yang berfungsi sebagai pusat pembelajaran dan pembangunan modal insan.

"Perkhidmatan pemprosesan herba yang disediakan Pusat Teknologi Herba (HTC) dapat menarik minat pelanggan dari luar negara terutama Russia dan China.

"FRIM banyak membantu dalam industri herba terutama dari aspek pemasaran dan berjaya memberi impak yang sangat besar terhadap perkembangan Ethno Valley dan Ethno Resources.

"Perkongsian pintar antara FRIM dan industri herba sangat diperlukan untuk menembusi pasaran luar negara. Hingga kini pihak industri masih kekurangan kepakaran

Pihak industri masih kekurangan kepakaran dalam menjalankan R&D berkenaan teknologi herba



dalam menjalankan R&D berkenaan teknologi herba yang juga salah satu kekuatan FRIM," katanya.

Sementara pihak industri herba lebih fokus kepada pemasaran produk yang meliputi penjenamaan, pengeluaran, pembungkusan dan strategi pasaran.

"Sehubungan itu, kerjasama pintar 'menang-menang' antara FRIM dan industri herba sangat disokong," katanya.

Pengarah Urusan BR Herba Resources Rossli Md Isa pula berkata, dia mengakui perusahaan herba kunyit putih diusahakannya semakin berkembang pesat dengan adanya inisiatif yang berterusan oleh FRIM dan kerjasama secara langsung di peringkat awal perkembangannya.

Menurutnya, jualan syarikatnya meningkat 80 peratus selepas mendapat bantuan daripada FRIM dengan memperoleh pensijilan daripada Kementerian Kesihatan

Headline	MARTABAT INDUSTRI HERBA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	179,231
Page No	1TO3	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	1890 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 74,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 222,507



ROSSLI  
menunjukkan  
kunyit putih  
di ladangnya.

Headline	MARTABAT INDUSTRI HERBA		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	09 Mar 2018	Circulation	179,231
Section	Agro	Readership	537,693
Page No	1TO3	ArticleSize	1890 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 74,169
Journalist	Mohamad Hussin	PR Value	RM 222,507
Frequency	Daily		

Malaysia (KKM).

"Ia melalui penggunaan perkhidmatan ditawarkan HTC FRIM yang membolehkan produk saya dipasarkan dengan lebih meluas hingga ke luar negara," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Biotropics Malaysia Berhad Tengku Shahrir Tengku Adnan berkata, FRIM adalah agensi perintis dalam aktiviti R&D tumbuh-tumbuhan ubatan.

Menurutnya, pembentukan perkongsian dan rangkaian R&D baru serta meningkatkan pengetahuan saintifik teknologi adalah antara impak yang memberi kesan terhadap pembangunan perniagaan dalam industri herba.

"FRIM juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan jualan syarikat. Rata-rata pengusaha mengakui berjaya menerima peningkatan jualan secara drastik melebihi 50 peratus selepas pembabitan FRIM dalam pembangunan perniagaan mereka.



Rata-rata pengusaha mengakui berjaya menerima peningkatan jualan secara drastik melebihi 50 peratus selepas pembabitan FRIM dalam pembangunan perniagaan mereka

## TENGKU SHAHRIR



AZUKI menunjukkan herba yang dikeringkan.



KETUA Program Ekonomi dan Analisa Strategik FRIM Rohana Abdul Rahman berbincang dengan Tengku Shahrir.

"Biotropics berjaya menembusi pasaran luar negara melalui produk ekstrak tongkat ali dengan peratusan pembahagian eksport ke luar negara.

"Sebanyak 80 peratus jualan meliputi beberapa negara utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, Eropah, Asia Tengah, Vietnam, Singapura dan Hong Kong," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Herbagus Sdn Bhd Azuki Tahir berkata, tanpa FRIM, pihaknya tidak mungkin bertapak dalam industri herba seperti sekarang.

"Jika dilihat dari aspek impak yang diterima, pengusaha herba bersertai kerjasama dari peringkat awal dengan pihak FRIM kerana kejayaan yang dicapai.

"Ia termasuk aspek peluang perniagaan, perkongsian penyelidikan saintifik dalam mengenal pasti potensi herba dan penghasilan produk berdasarkan herba," katanya.



AZUKI, Rohana dan pegawai penyelidik FRIM Nik Zanariah Nik Mahmood bersama mesin pemprosesan herba mengkudu, inovasi Herbagus Sdn Bhd yang mendapat anugerah TRIS.